

## Sime Darby Property Terajui Pemilikan Rumah Mampu Milik dengan Serasi Residences Berharga RM250,000

- Sime Darby Property merapatkan jurang pemilikan rumah di kalangan pembeli rumah berpendapatan sederhana dengan menawarkan produk mampu milik di lokasi-lokasi utama dengan harga yang menarik.
- Hari Terbuka Sime Darby Property dan LPHS yang pertama seumpamanya telah mempercepatkan impian pemilikan rumah bagi 188 pembeli menerusi proses pembelian rumah yang lancar.

**ARA DAMANSARA, 21 JUN 2023** – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) menerajui pemilikan rumah mampu milik di Malaysia dengan pelancaran Servis Apartmen Mampu Milik (“SAMM”) di Serasi Residences yang terletak di perbandaran Putra Heights.

Berikutan kejayaan unit Pasaran Terbuka Tower One, rumah SAMM diperkenalkan di acara Hari Terbuka yang dianjurkan bersama Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (“LPHS”) di Galeri Jualan Putra Heights dan telah dihadiri lebih daripada 500 pengunjung. Acara ini merupakan yang pertama seumpamanya dianjurkan oleh LPHS dengan mana-mana pemaju hartanah di Malaysia.

Pelbagai perkhidmatan komprehensif ditawarkan kepada pembeli rumah kali pertama di Hari Terbuka, termasuk semakan dokumen, pengesahan kelayakan, proses perundingan pinjaman dan menandatangani Perjanjian Jual Beli (*‘Sales and Purchase Agreement’* atau “SPA”) yang mempercepatkan proses kelulusan pembeli dan menjamin proses pembelian rumah yang lancar. Proses pengundian juga telah diperkenalkan untuk mereka yang memenuhi kriteria kelayakan untuk membolehkan pembeli mendapatkan rumah baru mereka dengan kadar segera.

Sebanyak 188 unit SAMM telah ditempah menerusi *‘Online Booking System’* Sime Darby Property, dan pencapaian ini menandakan kejayaan pengundian massa digital pertama yang dilaksanakan Syarikat. Kerjasama erat dengan LPHS terbukti bermanfaat kerana ia memudahkan kelulusan segera unit SAMM untuk 70 pelanggan yang hadir. Selain itu, 103 unit Pasaran Terbuka Tower One juga ditempah sewaktu Hari Terbuka, menampakkan lagi tarikan Serasi Residences.

Serasi Residences merupakan koleksi servis apartmen pegangan bebas yang merangkumi 1,428 unit. Rumah SAMM yang bersaiz 550 kaki persegi dijual di harga tetap terkawal bernilai RM250,000, yang ditentukan oleh LPHS.

Pembangunan itu terletak secara strategik di Putra Heights Sentral (“PHS”) yang merupakan Pembangunan Berorientasikan Transit (*‘Transit Oriented Development’* atau “TOD”) pertama Sime Darby Property. Ia memenuhi permintaan tinggi untuk perumahan berdekatan dengan hab-hab pengangkutan awam yang utama.

Ketua Pegawai Pemasaran dan Jualan Sime Darby Property, Datuk Lai Shu Wei berkata: “Kami berhasrat untuk merapatkan jurang pemilikan rumah di kalangan pembeli rumah berpendapatan sederhana dengan menawarkan rumah mampu milik di lokasi-lokasi utama dengan harga yang menarik. Kami percaya inisiatif seperti ini melengkapkan evolusi pesat perbandaran dan sistem pengangkutan awam di Lembah Klang.”

“Dengan berpandukan matlamat Syarikat sebagai pengganda nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi dan planet, kami berusaha untuk membina rumah yang berkualiti, selamat dan mampan, sambil meyelaraskan pengalaman pemilikan rumah untuk bakal pembeli, bermula daripada waktu mereka mencari rumah idaman sehinggalah mendapat kunci,” tambah Datuk Lai.

Inisiatif ini mencerminkan strategi Sime Darby Property yang lebih luas dalam menyokong usaha kerajaan untuk merapatkan jurang rumah mampu milik di Malaysia, dan salah satunya ialah dengan melancarkan lebih banyak unit SAMP berharga di antara RM250,000 dan RM270,000 di lokasi-lokasi utama sekitar Lembah Klang. Pelancaran yang dijadualkan pada tahun 2023 termasuk Subang Jaya City Centre (SJCC), USJ 7 (SJ7) dan Putra Heights, di mana semua pembangunan menawarkan sistem perhubungan yang baik dan akses ke kemudahan dan pengangkutan awam.

“Sime Darby Property bermatlamat mewujudkan destinasi yang mementingkan gaya hidup dan mobiliti. Kami telah memulakan siri TOD kami di perbandaran Subang Jaya, dengan pelan untuk lebih pembangunan terancang di perbandaran-perbandaran kami seluruh Malaysia pada masa akan datang,” kata Datuk Lai.

Serasi Residences memenuhi keperluan gaya hidup penduduknya, dengan laluan pejalan kaki berbumbung sepanjang 400m ke stesen LRT Putra Heights, yang merangkumi laluan Kelana Jaya dan Sri Petaling. Pembangunan itu juga mudah diakses dari beberapa lebuh raya utama termasuk Lebuh raya Utara-Selatan Hubungan Tengah, Lebuh raya Damansara-Puchong, Lebuh raya Shah Alam and Lebuh raya Baru Lembah Klang.

Para penduduk juga boleh nantikan Taman Linear Putra Heights, rumah kepada taman seluas 8 ekar dengan laluan pejalan kaki sepanjang Bukit Cermin serta laluan berbasikal sepanjang 15km yang mengelilingi perbandaran Putra Heights. Taman Komuniti Putra Heights yang dijadualkan untuk siap menjelang akhir tahun 2023 akan meningkatkan lagi pengalaman hidup dalam pembangunan itu.

Bagi anda yang terlepas peluang untuk memiliki Serasi Residences Sime Darby Property yang berkualiti dan mampu milik, dapatkan rumah anda di <https://www.simedarbyproperty.com/putra-heights/serasi-residences/> atau sila kunjungi Galeri Jualan Putra Heights.

#### **-TAMAT SIARAN-**

#### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri hartanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju hartanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobatkan sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | [adela.megan@simedarbyproperty.com](mailto:adela.megan@simedarbyproperty.com)

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)